

19/02/2002

IKIM tetap relevan untuk masyarakat Islam sejagat

Mohd Yusof Sulaiman

PADA 1992, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan hasrat menubuhkan sebuah institut pemikir yang bertanggungjawab meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat di negara ini.

Impian itu terlaksana dengan penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 18 Februari 1992.

Selepas sedekad ditubuhkan dengan bertunjangan penyebaran dakwah Islam dan mengikis fahaman khurafat terhadap Islam serta mengembalikan kegemilangan Islam seperti zaman kerajaan Uthmaniyah, masih ada segelintir masyarakat menidakkan fungsi IKIM dalam hal itu.

Mereka menuduh IKIM sebagai alat propaganda kerajaan untuk mempengaruhi dan mengabui mata rakyat, bukannya sebagai sebuah institusi dakwah yang berlandaskan syariat sebenar.

Sempena ulang tahun ke-10 IKIM semalam, wartawan, MOHD YUSOF SULAIMAN, menemubual Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara itu dan perancangan masa depan institut itu.

BH: Dalam tempoh 10 tahun penubuhan IKIM, beberapa kejayaan dicapai dalam menyampaikan dakwah Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Boleh Tan Sri jelaskan sejauh manakah pencapaian IKIM dalam memastikan visi, misi, falsafah dan matlamat IKIM dilaksanakan dalam tempoh itu?

AHMAD SARJI: Saya menilai kejayaan IKIM dalam tempoh 10 tahun daripada beberapa segi. Kejayaan pertama ialah penyampaian pemahaman mengenai beberapa konsep Islam. Ia dijayakan melalui seminar, bengkel dan penerbitan buku untuk tatapan umum. Tema yang dipilih adalah pelbagai, sama ada berkaitan ekonomi, globalisasi, hukum syariah atau politik.

Kejayaan kedua ialah menjadikan Islam sebuah agama toleran dan memiliki sifat kemajuan. Dalam hal ini, IKIM menganjurkan pelbagai seminar berhubung perkara itu. Penyertaan peserta bukan Islam pula mengharapkan IKIM boleh menerapkan dan memberi kefahaman sebenar mengenai Islam. Kami berpuas hati terhadap penerimaan orang bukan Islam kepada IKIM.

Kejayaan ketiga pula ialah skop liputan mesej IKIM semakin meluas. Sembilan tahun kami menyampaikan mesej Islam melalui seminar, akhbar dan televisyen. Sekarang, penyampaian mesej semakin bertambah dengan adanya Radio IKIM. Penubuhan Radio IKIM adalah kejayaan besar. Sekarang kami mengisi program Radio IKIM dengan pelbagai rancangan untuk mengubah minda dan meningkatkan kefahaman mengenai beberapa isu global.

Antara kejayaan lain ialah wujudnya jaringan perhubungan IKIM dengan pelbagai institut Islam di seluruh dunia. Buktinya, kami menandatangani memorandum persefahaman dengan Oxford Centre of Islamic Studies, London. Ia adalah kejayaan besar bagi IKIM kerana memperluaskan skop liputan IKIM. Inilah antara kejayaan yang diperoleh IKIM.

BH: Boleh Tan Sri jelaskan cabaran dan halangan yang ditempuh IKIM sepanjang tempoh itu?

AHMAD SARJI: Cabaran utama ialah timbulnya pelbagai isu dalam masyarakat. Contohnya, isu berkaitan Malaysia sebuah negara Islam. Untuk ini, kami menganjurkan seminar berkaitan ciri negara Islam. Kedua ialah cabaran globalisasi. Dalam hal ini, kami menganjurkan seminar berkaitan globalisasi dan dunia Islam. Kemudian berlaku beberapa isu lain seperti pemindahan organ. Dalam hal ini, kami menganjurkan seminar pemindahan organ yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Natijahnya, masyarakat akan mendapat kefahaman mengenai hal itu. Dalam isu alam sekitar, cabaran IKIM juga cukup besar. Di mana dan bagaimana hendak menyampaikan kefahaman Islam terhadap alam sekitar. Untuk itu, kami menganjurkan seminar mengenai habitat. Ini adalah antara cabaran luaran IKIM dalam pelbagai isu masyarakat yang memerlukan penjelasan. Cabaran dalaman pula ialah bagaimana hendak menyusun kegiatan yang banyak dengan bilangan kakitangan terhad. Hal ini kami berjaya atasi dengan peningkatan produktiviti kakitangan IKIM.

BH: Ada yang menganggap program IKIM lebih tertumpu kepada golongan profesional dan cendekiawan, bukannya membabitkan penyertaan pelbagai peringkat masyarakat. Apakah komen Tan Sri dalam hal ini?

AHMAD SARJI: Sebenarnya, dakwaan itu timbul daripada pemerhatian kurang tepat. IKIM menjemput segenap lapisan masyarakat. Contohnya, apabila kami hendak menerangkan sesuatu isu, kami panggil tokoh akademik untuk menerangkan hal itu. Apabila hendak menyampaikan kepada golongan pelaksana dasar negara, kami jemput tokoh korporat, pegawai tinggi kerajaan atau pertubuhan wanita.

Apabila kami ingin menyampaikan isu mengenai nilai kepemimpinan dan etika, kami panggil pelajar universiti. Ramai peserta IKIM adalah pelajar kerana tajuk yang dibincangkan berkaitan kepemimpinan, nilai baik, menghormati ibu bapa dan warga tua. Malah, setiap tahun kami menganjurkan perkampungan ketua murid di mana mereka diajarkan cara berakhlak mulia, sifat kepemimpinan Rasulullah saw dan adab tertentu seperti adab makan atau tidur serta latihan jasmani.

Sebenarnya, peserta seminar IKIM sama ada peserta seminar, pembentang kertas kerja atau pensyarah adalah dari segenap lapisan masyarakat daripada ahli akademik, pegawai tinggi kerajaan atau pensyarah bukan Islam.

BH: Niat dan tujuan IKIM walaupun telus untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai dakwah Islam, namun ada pihak yang menganggap IKIM masih tidak menjalankan tanggungjawabnya menegakkan kebenaran berlandaskan Islam. Mereka mendakwa IKIM milik individu tertentu dan tidak bergerak bebas menyelesaikan isu semasa umat Islam. Lebih malang lagi, ada yang melabel IKIM bukan sebagai Institut Kefahaman Islam Malaysia, sebaliknya dengan panggilan lain? Apa komen Tan Sri dalam hal ini?

AHMAD SARJI: IKIM adalah sebuah syarikat yang dihadkan melalui jaminan. Tugas kami menyampaikan dan memberi penjelasan sebenar secara akademik. Apa saja pendapat yang dikemukakan ditimbang melalui musyawarah. Jika kita melihat melalui resolusi yang dibuat melalui seminar dianjurkan, ada yang menggesa kerajaan membuat sesuatu atau mencadangkan tindakan sepatutnya dilakukan kerajaan. Misalnya resolusi supaya kerajaan menubuhkan Baitulmal Kebangsaan. Banyak lagi perkara yang dibincangkan. Pembentang kertas kerja melihat sesuatu isu dari sudut akademik dan pemahaman jelas. Jika pandangan mereka secocok dengan pandangan kerajaan, ia adalah secara kebetulan.

Malah, peserta seminar kita adalah mereka yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Malah, wakil parti politik pembangkang turut dijemput. Contohnya, apabila ada dialog dengan Perdana Menteri, mereka bebas menyoal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau membincangkan apa jua isu. Malah, mereka bebas menyuarakan pandangan. IKIM tidak dikongkong atau satu haluan saja. Hakikatnya, kami adalah kumpulan pemikir.

BH: Bagaimanakah langkah IKIM untuk mengikis sikap itu agar generasi ummah hari ini mengikut manhaj al-hayat (landasan hidup) sebenar?

AHMAD SARJI: Caranya ialah dengan memanggil dan membabitkan ahli akademik yang tidak memihak kepada mana-mana pertubuhan atau badan politik. Itulah kebebasan yang ada pada kami. IKIM tidak pernah diberi arahan supaya tidak menjemput orang tertentu atau jangan jemput orang ini atau itu. Malah,

saya adalah orang yang bertanggungjawab menyusun program yang bakal dianjurkan IKIM setiap tahun, selain diluluskan pula oleh Lembaga Pengarah IKIM.

BH: Pada masa ini, banyak institusi kefahaman pemikiran lain yang turut berfungsi seperti IKIM. Apakah keistimewaan IKIM berbanding institut itu?

AHMAD SARJI: Saya tidak mahu membuat penilaian terhadap institut lain. Tetapi pada saya, IKIM lebih istimewa kerana bebas menyusun program kerja dan kami melihat isu kontemporari. IKIM bukan sebuah menara gading. Malah, masyarakat melihat kegiatan IKIM seperti penyelidikan adalah relevan dengan masyarakat Islam sekarang serta sejagat.

BH: IKIM turut menerbitkan pelbagai jenis buku. Adakah pasaran buku itu terhad kepada bacaan golongan cendekiawan dan profesional saja?

AHMAD SARJI: Buku IKIM untuk masyarakat umum dan dijual secara umum. Ia bukan terhad kepada golongan tertentu. Semua lapisan masyarakat boleh membaca buku itu. Bagi memperluaskan skop bacaan, kami menerbitkan buku itu dalam dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Ia amat sesuai untuk tatapan pelbagai lapisan masyarakat.

BH: Malaysia adalah sebuah negara Islam disegani dunia dengan kemakmuran dan kemampuan menandingi negara membangun lain. Maka, tentunya fungsi IKIM amat penting bagi menonjolkan lagi imej Malaysia di seluruh dunia. Apakah langkah yang diambil IKIM dalam membantu menjayakan matlamat itu?

AHMAD SARJI: Perkara ini amat penting kerana IKIM mengambil pendekatan global view of Islam di mana isu yang dibincang berkaitan dengan segenap sudut Islam seperti sains, pengurusan dan teknologi Islam. Dalam erti kata lain, program IKIM untuk menonjolkan Islam sebagai ad-din atau agama sejagat. Ia menyentuh sistem kehidupan masyarakat, undang-undang, produktiviti, pekerti mulia, sifat kepemimpinan dan teknologi.

Malah, isu yang dibincangkan adalah isu global seperti pemindahan organ dan isu makanan ubah suai genetik. Kami membincangkan Islam secara menyeluruh dan merangkumi setiap sudut kehidupan manusia. Dengan cara ini, masyarakat akan mengetahui bahawa apa saja yang dilaksanakan di Malaysia, sama ada dari sudut pemerintahan, politik, ekonomi, sosial, perdagangan dan industri atau pembangunan remaja, semuanya menyentuh prinsip Islam. Dengan ini, masyarakat di Malaysia dan dunia akan melihat IKIM berfungsi secara global dalam pelbagai sudut kehidupan manusia.

BH: Tahun lalu, IKIM melancarkan Radio IKIM (IKIM.FM) khusus bagi meningkatkan penyampaian dakwah kepada masyarakat. Bagaimanapun, ada pihak menuduh Radio IKIM bercampur-aduk dengan hiburan melalaikan. Tidak kurang melabel Radio IKIM sebagai alat propaganda kerajaan.

AHMAD SARJI: Kandungan siaran Radio IKIM berbeza dengan radio lain. Matlamat Radio IKIM menyampaikan prinsip Islam. Jadi, apa saja berkaitan dengan masyarakat, kami cuba sampaikan. Dalam pada itu, selingan dimainkan dengan memutarakan pelbagai lagu, qasidah dan nasyid. Kadang-kadang, jika mesej lagu tidak bertentangan dengan syariat, mereka (deejay) mainkan, tetapi ia bukan satu program dominan.

Apa yang dominan ialah mesej yang kami sampaikan. Apabila kami mengulas sesuatu isu, tidak disebut mana-mana pihak. Cuma kami menerangkan konsep saja yang tidak memihak kepada pihak lain. Kami hanya menyampaikannya secara umum. Mungkin, kadang-kadang berlaku kesilapan, itu tidak disengajakan.

BH: Pada 18 Februari, IKIM menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya. Apakah kegiatan yang diatur sempena sambutan itu?

AHMAD SARJI: Kita mengadakan program sederhana. Pertama, majalah Visi edisi baru akan diterbitkan. Kemudian, pada Jun ini, Perdana Menteri akan merasmikan seminar bertajuk Islamic Dinar - Towards Economic Unity Of Muslim Communities. Pada masa itu, kami akan mengadakan pameran sempena 10 tahun penubuhan IKIM. Ia bertujuan menjelaskan kepada masyarakat kegiatan

dianjurkan sejak penubuhan IKIM hingga hari ini.

BH: Apakah harapan Tan Sri sempena 10 tahun penubuhan IKIM?

AHMAD SARJI: Saya berharap masyarakat akan memberi maklum balas kepada IKIM bahawa IKIM sudah 10 tahun ditubuhkan. Mereka yang berminat untuk mengemukakan pandangan boleh menulis surat kepada saya. Malah, mana-mana tajuk atau program yang dianggap ketinggalan sama ada dari sudut metodologi yang perlu diperbaiki atau apa saja yang menyentuh fungsi yang sepatutnya perlu dilaksanakan IKIM. Saya berharap masyarakat memaklumkan terus kepada saya.

Malah, mereka boleh memaklumkan kepada saya melalui Radio IKIM, apa saja penambahan dan perubahan bagi meningkatkan kedudukan IKIM. Melalui sambutan itu juga, saya berharap masyarakat akan menyedari bahawa IKIM sudah 10 tahun wujud. Mereka yang sentiasa mengikuti sejarah IKIM tentu ada beberapa cadangan untuk memperbaiki IKIM pada masa depan.

BH: Apakah rancangan masa depan IKIM dalam melaksanakan tanggungjawabnya?

AHMAD SARJI: IKIM membuat perancangan dari setahun ke setahun. Misalnya, ketika ini program kerja yang dilaksanakan ialah perancangan gerak kerja 2002. Oleh kerana IKIM tidak boleh membuat rancangan jangka panjang kecuali bagi projek penyelidikan yang mana dibuat bagi tempoh dua hingga tiga tahun kerana memerlukan masa lama. Tetapi program kerja seperti seminar atau bengkel, terpaksa dijalankan dari setahun ke setahun kerana kita tidak tahu apakah isu yang berlaku dalam masyarakat Islam di negara ini atau pada peringkat global.

Oleh kerana falsafah IKIM adalah kontemporari, iaitu penjelasan terhadap isu semasa dan tempatan, maka program kerja ini disusun rapi supaya boleh menarik perhatian masyarakat. Saya mengharapkan media dapat memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjelaskan program kerja 2002 IKIM kepada masyarakat. Dengan itu, mana-mana pihak yang berminat untuk menyertai program IKIM dapat mengetahui tarikh dan tajuk program IKIM sepanjang tahun. Inilah bezanya IKIM dengan institusi lain kerana kita cuba memberi penjelasan isu kontemporari yang berlaku dalam masyarakat ketika ini.

(END)